



USANA
THE CELLULAR NUTRITION COMPANY



Pelan Ganjaran **USANA**

(Malaysia)

Pelan ganjaran USANA menggalakkan usaha berkumpulan dan memastikan distribusi pendapatan yang saksama antara semua Pengedar supaya anda memperolehi pendapatan yang stabil dan berterusan apabila organisasi downline anda kian besar.

MEMULAKAN PERNIAGAAN USANA ANDA

Anda bermula dengan menyertai sebagai ahli dan penaja anda akan menempatkan anda pada suatu posisi yang terbuka dalam organisasi downlinenya.

Selaku Pengedar USANA, anda boleh menjual produk USANA kepada rakan sahabat anda, mendaftarkan mereka sebagai Pelanggan Terpilih ataupun menaja mereka untuk menyertai organisasi anda sebagai Pengedar (sila rujuk Rajah 1). Di Malaysia, USANA membenarkan seseorang Pengedar mengusahakan empat "kaki" Pengedar semaksimumnya.

SUMBER-SUMBER PENDAPATAN:

Terdapat enam sumber untuk menghasilkan pendapatan dalam mengusahakan perniagaan USANA:

- (1) Keuntungan Runcit
- (2) Komisen Barisan Depan
- (3) Komisen Mingguan
- (4) Bonus Kepimpinan
- (5) Elit Bonus
- (6) Bonus Padanan

1. KEUNTUNGAN RUNCIT

Anda memperoleh keuntungan runcit dengan menjual produk USANA kepada pelanggan anda pada harga runcit yang disyorkan di mana ia adalah 10% lebih tinggi dari Harga Terpilih (Harga Ahli). Keuntungan runcit adalah perbezaan di antara harga yang dibayar oleh pelanggan (Harga Runcit) dan harga Pesanan Auto anda.

*Anda sebagai Pengedar membayar harga Pesanan Auto, di mana ia adalah 10% lebih rendah dari Harga Terpilih (Harga Ahli), jika anda mendaftar dalam program Pesanan Auto USANA.

2. KOMISEN BARISAN DEPAN

Komisen Barisan Depan mingguan, iaitu 5% dari Jumlah Jualan Peribadi (PSV) yang dihasilkan oleh semua Pengedar Malaysia tajaan peribadi anda dalam bentuk Mata Komisen[†] dengan nilai dollar Amerika Syarikat. Komisen ini sah untuk pesanan bernilai 100 PSV atau lebih tinggi sahaja.


Contohnya, sekiranya anda menaja Ali, Bob dan Chan, dan setiap daripada mereka menghasilkan 200 PSV pada minggu ini, maka anda akan memperoleh Komisen Barisan Depan sebanyak 30 Mata Komisen:

$$5\% \times (200 + 200 + 200) = 30 \text{ (US\$30)}$$

Anda akan menerima Komisen Barisan Depan tidak kira di mana Ali, Bob dan Chan ditempatkan dalam rangkaian anda, selagi anda telah menaja mereka secara peribadi.

[†] Mata Komisen akan dibayar dalam mata wang tempatan.

Rajah 1. Pengedar dan Pelanggan Terpilih



Sekiranya dalam mana-mana minggu, anda menghasilkan kurang daripada 25 Mata Komisen, maka komisen anda akan dikumpulkan sehingga 25 mata atau lebih atau sehingga anda menamatkan keahlian anda.

3. KOMISEN MINGGUAN

Komisen Mingguan adalah berdasarkan Jumlah Jualan Kumpulan (GSV) organisasi global anda. GSV merupakan Jumlah Mata Jualan daripada SEMUA Pengedar and Pelanggan Terpilih dalam organisasi anda, tidak kira berapa tahap rujukan dan di mana juga mereka mendaftarkan diri.

Pengiraan pembayaran Komisen Mingguan berdasarkan 20% daripada Jumlah Jualan Kumpulan (GSV) "kaki" pengeluaran yang lebih rendah. Pembayaran minimum adalah 125 GSV dan maksimumnya 5,000 GSV. Jumlah Jualan yang tidak terpadan pada sisi yang lain akan ditambahkan kepada Komisen Mingguan yang seterusnya.

Sekiranya dua "kaki" yang dibandingkan menghasilkan GSV yang sama, maka salah satu "kaki" boleh dianggap mempunyai GSV yang lebih rendah.

Komisen anda, yang diwakili dengan Jumlah Mata Komisen (CVP) Dollar-Amerika Syarikat, akan ditukarkan secara automatik kepada mata wang tempatan tergantung kepada kadar mata wang di mana jumlah jualan itu diperoleh.

Jumlah Jualan yang dihasilkan oleh SEMUA Pengedar and Pelanggan Terpilih pada "kaki" kiri dan kanan diambil kira, tidak kira tahap rujukan dan di mana juga jumlah itu diperoleh.

3.1 MEMBAWA KE DEPAN

Tidak mengapa sekiranya Jumlah Jualan Kumpulan pada sisi kiri dan kanan tidak terpadan. Sebarang Jumlah Jualan Kumpulan berlebihan (sehingga 5,000 mata setiap sisi) akan dibawa ke depan kepada tempoh komisen yang seterusnya.

GSV sehingga 5,000 mata yang belum dibayar akan dibawa ke depan tanpa had masa, selagi Pusat Perniagaan anda masih aktif.



3.2 MEMAKSIMUMKAN SEBUAH PUSAT PERNIAGAAN

Setiap kali suatu "kaki" pengeluaran lebih rendah anda mencapai 5,000 mata GSV atau lebih, bermaksud anda telah "memaksimumkan" sebuah Pusat Perniagaan. Komisen Mingguan anda akan kekal pada 1,000 Mata Komisen (CVP) untuk sesebuah Pusat Perniagaan tersebut walaupun GSVnya melebihi 5,000 mata. Walaubagaimanapun, sekiranya sesebuah pusat perniagaan dimaksimumkan oleh Pesanan Auto, anda akan memperoleh 1,000 CVP SERTA 250 CVP tambahan.

Pesanan Auto membantu anda menjalankan perniagaan yang kukuh dan stabil berserta pendapatan yang konsisten. Anda masih boleh memaksimumkan sesebuah Pusat Perniagaan dengan gabungan pesanan tunggal dan Pesanan Auto. Tetapi sekiranya anda memaksimumkan sesebuah Pusat Perniagaan dengan Pesanan Auto sahaja (ini dianggap sebagai Pusat Perniagaan Pesanan Auto Maxima), anda memperoleh 250 Mata Komisen tambahan dalam tempoh minggu komisen tersebut. Ini bermakna 25% lebih mata!

3.5 PELANGGAN TERPILIH DAN PSP

Satu lagi cara untuk mengumpulkan GSV yang lebih banyak adalah dengan menaja Pelanggan Terpilih dan menempatkan mereka di bawah mana-mana "kaki" downline anda (sila rujuk Rajah 1). Pelanggan Terpilih tidak membentuk sebahagian daripada rangkaian downline anda, tetapi pesanan mereka akan menghasilkan Mata Komisen, yang akan ditambahkan ke atas GSV untuk "kaki" di mana mereka ditempatkan.

Akhir sekali, anda juga boleh menempatkan mana-mana Jumlah Jualan Peribadi (PSV) berlebihan yang anda perlukan untuk kekal berkelayakan (sila rujuk bahagian 5) kepada mana-mana satu daripada empat "kaki" anda. Ini dikenal sebagai Penempatan Jualan Peribadi (PSP). Oleh yang sedemikian, anda juga akan menerima komisen untuk jualan kepada pengguna yang tidak menjadi Pengedar atau Pelanggan Terpilih.

Jumlah jualan daripada Pelanggan Terpilih dan PSP akan ditambah setiap minggu kepada Jumlah Jualan Kumpulan (GSV) anda apabila Komisen Global anda dikira.



4. BONUS KEPIMPINAN

Setiap minggu, 3% GSV global akan dikongsi bersama semua tahap Gold Director dan ke atas yang berkelayakan. Syer anda akan bergantung kepada jumlah Pusat Perniagaan yang berjaya dimaksimumkan oleh anda pada minggu yang lalu.

Pusat perniagaan dimaksimumkan	Bagaimana syer anda dikira	Syer anda
1	1 =	1 Syer
2	2 + 1 =	3 Syer
3	3 + 2 + 1 =	6 Syer
Lain-lain		

Semua syer, termasuk syer pertama, akan berdasarkan peratusan jualan bagi minggu tersebut dan berbeza setiap minggu. Jumlahnya berdasarkan jumlah syer dan jumlah 3% bonus pool bagi minggu tersebut.

Untuk berkongsi dalam bonus ini, anda haruslah aktif berkelayakan dan melaksanakan yang berikut:

- Setiap 4 minggu (1), membantu sekurang-kurangnya seorang Pengedar tajaan peribadi untuk mendapat cek pertama mereka
- Boleh dihubungi oleh organisasi rangkaian downline anda melalui telefon
- Melatih dan menyelia organisasi rangkaian downline anda secara aktif
- Tidak melibatkan diri anda dalam mana-mana syarikat pemasaran rangkaian yang lain

Tarikh layak Bonus Kepimpinan anda akan dilanjutkan apabila setiap Pengedar tajaan peribadi anda mendapat cek komisen mereka yang pertama. Setiap 'Sharer' yang mendapat cek mereka yang pertama akan melanjutkan kelayakan anda empat minggu ke hadapan sama ada anda vested ataupun tidak. Jika vested, Pengedar tajaan peribadi yang menghasilkan cek pertama mereka di peringkat 'Believer' akan melanjutkan kelayakan anda 13 minggu ke hadapan. Dan jika anda vested, anda juga boleh memperolehi sembilan minggu kelayakan tambahan apabila seseorang Pengedar tajaan peribadi mendapat cek pertama mereka dari USANA di peringkat 'Sharer' dan mara untuk memperoleh cek pertama mereka di peringkat 'Believer' dalam tempoh 26 minggu dari cek komisen permulaan mereka.

5. Elit Bonus

Setiap tiga bulan, lebih daripada 1 juta dollar Amerika Syarikat akan dibahagikan di antara 60 tahap pendapatan yang tertinggi di USANA.* Elit Bonus adalah satu peratusan daripada Jumlah Jualan Kumpulan USANA untuk suku tahun tersebut, dibahagikan di antara Pengedar berkelayakan di lima peringkat yang berlainan dan ia adalah satu cara yang amat berkesan untuk meningkatkan potensi tahap pendapatan anda.

*Jumlah pembayaran sebenar adalah berbeza pada setiap suku tahun.

6. Bonus Padanan

Anda akan mula menerima Bonus Padanan apabila anda dan ahli pasukan anda mencapai status 'PaceSetter' di dalam tempoh lapan minggu selaku menjadi Pengedar (sila rujuk Bahagian 7).

Bonus Padanan akan memadankan sehingga 15-peratus komisen asas Pengedar baru anda atas perniagaan USANanya.

* Dan lebih baik lagi - anda akan menerima bonus untuk setiap Pengedar berkelayakan tajaan peribadi anda, untuk menghasilkan pendapatan berterusan.

*Selagi anda layak untuk mendapat komisen dan mematuhi Perjanjian Pengedar. Sila rujuk peraturan rasmi di USANA.com

7. PROGRAM PACESETTER

Program PaceSetter akan memberi ganjaran kepada anda kerana membuat kemajuan yang pantas, lalu memberi peluang untuk memaksimumkan pendapatan Bonus Padanan anda. Status anda bergantung kepada bilangan Pengedar & Pelanggan Terpilih yang ditaja oleh anda, Jumlah Mata Jualan (SVP) yang dihasilkan oleh mereka dan tempoh masa yang digunakan untuk melengkapkan tugas itu.

% Bonus Padanan	Menaja 4 yang menghasilkan 1,600 SVP	Menaja 2 yang menghasilkan 800 SVP
Dalam tempoh 8 minggu	Premier Platinum PaceSetter	Premier PaceSetter
Dalam tempoh 16 minggu	Platinum PaceSetter Tahunan	PaceSetter Tahunan

KELAYAKAN SEBAGAI PREMIER PLATINUM PACESETTER

Dalam tempoh lapan minggu dari tarikh pendaftaran, menghasilkan 1600 SVP dari empat atau lebih Pengedar & Pelanggan Terpilih yang ditaja oleh anda.

KELAYAKAN SEBAGAI PREMIER PACESETTER

Dalam tempoh lapan minggu dari tarikh pendaftaran, menghasilkan 800 SVP dari dua atau lebih Pengedar & Pelanggan Terpilih yang ditaja oleh anda.

KELAYAKAN UNTUK STATUS TAHUNAN

Anda masih boleh menikmati manfaat Bonus Padanan yang sama - sekiranya terlepas status Premier - dengan memenuhi syarat-syarat dalam tempoh 16 minggu selain daripada 8 minggu. Status "tahunan" bermakna setiap tahun pada ulang tahun pendaftaran, anda diberi lapan minggu untuk memperbaharui status untuk satu tahun lagi. Status premier menawarkan manfaat seumur hidup.

8. MENGAKTIFKAN PUSAT PERNIAGAAN ANDA

Untuk mula menikmati Komisen Barisan Depan, Komisen Global, Bonus Kepimpinan dan Bonus Padanan, anda harus menghasilkan terlebih dahulu:

- 200 mata PSV untuk mengaktifkan BC001 (sahaja) atau
- 400 mata PSV dalam tempoh 6 hari Jumaat pertama dari tarikh pendaftaran untuk mengaktifkan ketiga-tiga Pusat Perniagaan.


Kesemua mata PSV ini boleh dipenuhi dalam satu pesanan tunggal pada masa pendaftaran (3), atau dengan cara mengumpulkan beberapa pesanan. Ini dikenali sebagai 'mengaktifkan' Pusat Perniagaan.

Setelah diaktifkan, anda berhak menikmati semua komisen serta Bonus Kepimpinan, dan anda boleh terus membawa GSV anda ke depan, sekiranya anda menghasilkan

- 100 PSV setiap empat minggu (secara berikutan) untuk satu Pusat Perniagaan (BC)
- 200 PSV setiap empat minggu (secara berikutan) untuk lebih daripada satu Pusat Perniagaan (BC) (4).

% Bonus Padanan		Anda Adalah	
Pengedar tajaan anda adalah	Platinum PaceSetter	PaceSetter	Kedua-duanya
Premier Platinum PaceSetter	15%	10%	5%
Premier PaceSetter	10%	5%	2.5%

PUSAT PERNIAGAAN (BC):




PENGIRAAN KOMISEN:

PASUKAN KECIL		
BC1	T1 + T3 vs T2 + T4	1400
BC2	T1 + T3	700
BC3	T2 + T4	750
Jumlah untuk Pasukan Kecil		2850

\$\$ Pendapatan Dari Tiga Pusat Perniagaan
2850 x 20% = 570 CVP

KOMISEN ROLL OVER:



Sharer	50 Jumlah Mata Komisen (CVP) untuk satu minggu
Believer	100 CVP untuk satu minggu
Builder	200 CVP untuk satu minggu
Achiever	400 CVP untuk satu minggu
Director	600 CVP untuk satu minggu
Bronze Director	800 CVP untuk satu minggu
Silver Director	1,000 CVP untuk satu minggu
Gold Director	1,000 CVP untuk satu minggu
Ruby Director	2,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
Emerald Director	3,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
Diamond Director	4,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
1-Star Diamond Director	5,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
2-Star Diamond Director	6,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
3-Star Diamond Director	7,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
4-Star Diamond Director	8,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
5-Star Diamond Director	9,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
6-Star Diamond Director	10,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
7-Star Diamond Director	11,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
8-Star Diamond Director	12,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
9-Star Diamond Director	13,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
10-Star Diamond Director	14,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut
11-Star Diamond Director	15,000 CVP untuk empat minggu berturut-turut

NOTA-NOTA AKHIR:

1 Anda boleh membantu seramai 13 individu (untuk kelayakan setahun) pada suatu masa untuk memenuhi syarat ini. Mana-mana Pengedar yang pernah ditaja oleh anda yang belum mendapatkan cek juga layak. Tarikh tajaan tidak diambil kira, tetapi hanya tarikh penerimaan cek pertama dipertimbangkan. Anda dikira "vested" selepas lima tahun berturut-turut layak untuk Bonus Kepimpinan, seterusnya haruslah membantu seorang Pengedar tajaan peribadi untuk mencapai pangkat 'Believer' sekurang-kurangnya setiap suku tahun, atau membantu empat individu (untuk kelayakan setahun) sekaligus untuk memenuhi syarat ini.

2 Sekiranya anda gagal menghasilkan 400 PSV menjelang hari Jumaat keenam dari tarikh pendaftaran, anda hanya akan memperoleh pendapatan Komisen Global dari BC001 sahaja, contohnya GSV yang lebih rendah di antara "kaki" ganjil berbanding dengan GSV untuk "kaki" genap. Anda tidak akan memperoleh Komisen Global tambahan dari BC002 (GSV yang lebih rendah antara dua "kaki" yang ganjil) atau dari BC003 (GSV yang lebih rendah antara dua "kaki" yang genap).

3 Sekiranya pesanan sewaktu pendaftaran adalah sama atau lebih dari 400 mata PSV, USANA akan "membahagikan" mata tersebut supaya 200 mata ditempatkan sebagai PSV, dan bakinya dibahagikan sama rata dan ditambah kepada GSV di kaki 1 dan 2 untuk pengiraan Komisen Global.

4 Sekiranya anda memilih untuk menghasilkan kurang dari 200 PSV (tetapi 100 PSV atau lebih) dalam mana-mana tempoh 4 minggu selepas mengaktifkan 3-BC, anda akan memperolehi pendapatan komisen hanya dari BC001 dalam tempoh minggu itu sahaja dan hanya boleh membawa ke hadapan GSV di BC001 sahaja.

USANA telah mencipta tahap-tahap kepimpinan untuk membantu mengarahkan matlamat jangka pendek serta menubuhkan tonggak untuk membantu mengukur kemajuan anda lalu berusaha untuk mencapai matlamat utama anda.

Setiap tahap kepimpinan diperolehi setelah menghasilkan keperluan jumlah yang tertentu. Tahap-tahap kepimpinan ditakrifkan seperti di bawah: